

16 MAR 2001

Chong (Reaksi)

PELBAGAI PIHAK SAMBUT BAIK PELANTIKAN CHONG

KOTA KINABALU, 16 Mac (Bernama) -- Pelbagai pihak di Sabah hari ini menyambut baik pelantikan Datuk Chong Kah Kiat sebagai Ketua Menteri yang baru menggantikan Datuk Osu Sukam yang tamat tempoh jawatannya mengikut sistem penggiliran di negeri ini.

Sambil mengucapkan tahniah kepada Chong, mereka turut menyatakan keyakinan bahawa beliau akan mendapat sokongan dalam tugas baru beliau itu.

Timbalan Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) Datuk Dr Jeffrey Kitingan berkata: "Kita mengalu-alukan keputusan yang dibuat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berhubung sistem penggiliran dan pelantikan Datuk Chong Kah Kiat sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru."

"Kita mengucapkan tahniah kepada beliau atas pelantikannya dan kita semua akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada beliau...ia adalah pilihan yang baik, saya yakin beliau akan menjadi seorang ketua menteri yang baik," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Pengumuman mengenai pelantikan Chong, Menteri Pembangunan Pelancongan, Alam Sekitar, Sains dan Teknologi Sabah, dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di Kuala Lumpur hari ini.

Chong, 53, ialah Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP).

Beberapa pemimpin Umno Sabah juga berkata mereka akan memberikan sokongan kepada kepimpinan kerajaan negeri yang baru itu.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Sabah, Tawfiq Abu Bakar Titingan berkata pergerakan itu menyampaikan pandangannya kepada Perdana Menteri berhubung sistem itu dan akur dengan keputusan yang dibuat hari ini.

"Keputusan ini perlu diterima dengan tenang..kita mengharapkan kerjasama daripada parti-parti komponen yang lain kerana ini merupakan pengorbanan besar yang dilakukan oleh Umno demi perpaduan serta kestabilan politik negeri ini," katanya.

Ketua Pergerakan Wanita Umno Sabah Datuk Dayang Mahani Tun Pengiran Ahmad Raffae pula berkata anggota Umno Sabah perlu menumpukan perhatian kepada usaha membangunkan negeri ini.

Beliau berkata walaupun hasrat Umno negeri agar sistem penggiliran itu dimansuhkan tidak kesampaian, parti itu masih mempunyai kelebihan kerana kaum Bumiputera Islam akan mendapat dua tempoh bagi setiap pusingan penggiliran jawatan berkenaan.

"Formula baru ini memberi kelebihan kepada Umno sama ada secara langsung atau tidak langsung...kita perlu akur dengan keputusan itu demi masa depan parti dan juga Barisan Nasional di negeri ini," katanya.

-- BERNAMA

JS NT NAK